

Malaysia bakal terima pelaburan besar AS

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
aiman.asrol@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam mengadakan pertemuan dengan beberapa syarikat gergasi teknologi seperti Google, Enovix Corporation, Microsoft dan TikTok di San Francisco, Amerika Syarikat (AS).

Hasil pertemuan itu, pelaburan secara besar-besaran dijangka akan masuk ke Malaysia selepas syarikat-syarikat besar dunia terus yakin dan memberi kepercayaan mereka untuk melabur di dalam negara.

Anwar berkata, kestabilan politik dan dasar yang jelas adalah antara perkara yang dititikberatkan oleh syarikat-syarikat tersebut untuk melabur dalam negara.

“Dalam pertemuan ini, semua syarikat memberi perakuan melanjutkan pelaburan mereka di Malaysia secara besar-besaran.